

SIKAP MASYARAKAT TERHADAP CETAK ROMPAK DI BAHAGIAN MUKAH SARAWAK

Abdul Rahman Edruce Kushairi
Syuhaily Osman
Ahmad Hariza Hashim
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Penggunaan cakera optik telah pun berkembang pesat sama ada dalam industri pendidikan, perniagaan, sektor awam mahupun untuk kegunaan di rumah. Malangnya, peningkatan jualan produk cakera optik telah mengakibatkan berlakunya gejala cetak rompak di pasaran (Zeti, 1998). Hal ini disokong oleh Vany dan Walls (2007) yang turut menyatakan bahawa masalah ini semakin berkembang di seluruh dunia. Di Malaysia, umum mengetahui bahawa kajian terhadap cetak rompak lebih banyak dilakukan di kawasan bandar dan hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang dan bandar-bandar di Semenanjung Malaysia. Atas keprihatinan bahawa kurangnya kajian di Malaysia Timur ekoran kekangan demografi, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap pengguna di Bahagian Mukah, Sarawak terhadap cetak rompak.

Barangan cetak rompak boleh mengelirukan para pengguna kerana ia mirip dengan produk asal, cuma mungkin terdapat sedikit perbezaan berbanding dengan produk tulen. Cetak rompak didefinisikan sebagai salinan yang hampir menyerupai barangan sebenar dan ia merangkumi pembungkusan, tanda perniagaan dan pelabelan barangan tersebut (Kay, 1990). Menurut Akta Hakcipta 1987, cetak rompak bermaksud aktiviti penyalinan, pendedaran dan penggunaan produk harta intelek secara haram tanpa izin pemegang hak cipta bagi harta intelek tersebut. Harta intelek yang dimaksudkan akta ini ialah sebarang produk dan hasil karya yang didaftarkan hak ciptanya, seperti buku, muzik, filem, siaran televisyen dan radio, perisian komputer dan reka bentuk industri. Cetak rompak perisian pula ditakrifkan sebagai penggunaan perisian secara haram ataupun pendedaran salinan-salinan perisian komputer tanpa kebenaran dari pihak yang mencipta atau mengeluarkan perisian tersebut (Business Software Alliance (BSA), 2002).

Kajian literatur

Pencabulan harta intelek berleluasa di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Di Kuala Lumpur, empat lokasi utama dikenal pasti sebagai pusat pengedaran dan penjualan cakera video digital (DVD) cetak rompak yang paling aktif di negara ini, iaitu di Plaza Sungai Wang, Jalan Bukit Bintang, Plaza Low Yat, Jalan Imbi dan pusat-pusat tumpuan membeli-belah lain seperti Jalan Petaling dan Jalan Chow Kit (*Utusan Malaysia Online*, 2008).

Bukan hanya di Lembah Klang dan bandar raya-bandar raya besar di Semenanjung Malaysia seperti Johor Bahru, Melaka dan Pulau Pinang, di negeri-negeri lain juga berlakunya senario yang hampir serupa. Di kebanyakan negeri di Malaysia, pasar malam ialah tempat yang begitu sinonim dengan penjualan dan pembelian barangan cetak rompak. Kedai-kedai komputer dan pusat membeli-belah pula begitu sinonim sebagai tempat utama penjualan perisian cetak rompak. Di Lembah Klang, tempat yang agak terkenal dengan perisian cetak rompak ialah Plaza Low Yat, Plaza Sungei Wang, Mines Shopping Fair dan beberapa kawasan perniagaan komersial lain di ibu kota (*Harian Metro Online*, 2006). Di Sabah, antara kawasan yang menjadi tumpuan aktiviti jual beli produk cetak rompak ialah pusat membeli-belah di Karamuning, Tang Dynasty Mall, Megalong, Wisma Merdeka dan di kompleks membeli-belah di Labuan (*SabahKini.net*, 2010)

Menurut Hussin dan Hock Eam (2004), di Kedah, VCD dan CD cetak rompak boleh diperoleh dengan mudah sama ada di pasar malam mahupun di kompleks beli-belah. VCD dan CD cetak rompak dipamerkan secara terbuka oleh penjual di tempat berkenaan. Tidak terkecuali juga di tempat yang agak jauh, seperti di pedalaman Sabah dan Sarawak yang kurang mendapat perhatian agensi-agensi pemantauan berkaitan.

Selain itu, pembangunan dalam teknologi seperti Internet, CD-ROMS dan cakera optik telah memacu perkembangan gejala cetak rompak (Jung-Ki, Chang dan Khang, 2006). Penggunaan perisian mikrokomputer juga semakin meningkat sama ada untuk kegunaan sendiri, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan. Malangnya, peningkatan jualan perisian ini turut membawa masalah perisian cetak rompak, dengan kadar cetak rompak perisian di Malaysia ialah 59% berbanding dengan negara jiran iaitu Singapura hanya pada kadar 37% sahaja (BSA, 2008).

Kegiatan cetak rompak ini bukan sahaja memberi kesan terhadap negara kita, tetapi juga hampir di seluruh dunia. Sebagai contoh, negara maju seperti Amerika Syarikat juga berhadapan dengan masalah cetak rompak. Produk industri perfileman unggul Amerika Syarikat iaitu “Hollywood” yang diedarkan di seluruh dunia turut terkena tempias cetak rompak dan telah

menyebabkan kerugian sebanyak US\$360 juta (RM1.36 bilion) setahun terhadap industri tersebut di Amerika Syarikat pada tahun 2003 (Eric, 2007).

Perikatan Perisian Perniagaan (BSA) menganggarkan kadar cetak rompak di Malaysia adalah sebanyak 80% pada 1996 dan nilai pasaran perisian haram melebihi RM303.8 juta. Ia menjana sebanyak 5,548 peluang pekerjaan dalam industri perisian termasuk sokongan dengan pulangan sebanyak RM700 juta bagi kerajaan (BSA, 2002). Sejak 1 April 1999 sehingga awal Januari 2003, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berjaya merampas dan menyita VCD cetak rompak yang bernilai RM160.6 juta (MASSA, 2003). Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), nilai dagangan jualan album artis tempatan jatuh merudum, iaitu dari RM80 juta pada tahun 1996 ke RM20 juta pada tahun 2000 (MASSA, 2003). Berdasarkan laporan pada tahun 2006, Akta Kawalan Harga 1946 (AKH) merekodkan 703 kes pengedaran DVD cetak rompak, Akta Perihal Dagangan 1972 (APD) 1,606 kes, Akta Hakcipta 1987 (AHC) 1,472 kes dan Akta Cakera Optik 2000 (ACO) sebanyak 11 kes (*Utusan Malaysia Online*, 2008). Terbaharu, jumlah tindakan kes bagi membanteras aktiviti cetak rompak yang dilakukan oleh pihak KPDNKK ialah 1145 kes bagi tempoh Januari hingga September 2010, iaitu hampir sekali ganda berbanding dengan hanya 679 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 (*MStar Online*, 2011).

Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk membanteras kegiatan cetak rompak. Hal ini dapat dibuktikan melalui statistik operasi membanteras cetak rompak oleh KPDNHEP sejak tahun 2004-2007 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Statistik Operasi Penguatkuasaan KPDNHEP bagi Tahun 2004-2007

Tahun	Jumlah Premis Diperiksa	Jumlah Kes	Nilai Rampasan (RMj)
2004	25,508	4,390	59,216,528.00
2005	38,069	3,812	100,370,598.00
2006	38,166	3,792	120,001,103.00
2007	70,863	2,720	54,907,108.49

Sumber: *Harian Metro Online* (2008)

Jung-Ki *et al.* (2006) menyatakan bahawa mekanisma yang berkesan bagi menangani gejala cetak rompak adalah melalui undang-undang yang melindungi harta intelektual. Kebanyakan negara sudah mengamalkan

undang-undang ini walaupun belum ada satu standard antarabangsa yang dipersetujui dalam memberi erti perlindungan terhadap harta intelek. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, terdapat beberapa undang-undang yang digubal untuk menangani isu cetak rompak, antaranya ialah *No Internet Theft (NET) Act 1997*, *Digital Millenium Copyright Act 1998*, *Digital Theft Deterrence 1999* dan *Copyright Damages Improvement Act* (Moores, 2003). Di Malaysia pula, salah satu langkah yang diambil kerajaan untuk menangani masalah cetak rompak adalah dengan memperkenalkan label hologram tulen bagi cakera padat (CD), cakera padat video (VCD), cakera video digital (DVD), pita kaset dan pita video.

Bagi menyusun strategi perlindungan hak cipta ini, analisis berhubung dengan cetak rompak dari sudut permintaan sangat penting (McDonald dan Roberts, 1994). Saiz pasaran cetak rompak yang semakin memberangsangkan sebenarnya memberi motivasi atau perangsang kepada pembekal-pembekal cetak rompak (McDonald and Roberts, 1994). Hal ini kerana produk cetak rompak dijual pada harga yang lebih murah berbanding dengan produk tulen. Sebagai contoh, CD muzik cetak rompak hanya berharga RM10 berbanding dengan CD muzik tulen yang berharga RM40. Sudah tentu ramai pengguna akan merasakan bahawa ia berbaloi dan akibatnya permintaan terhadap bahan cetak rompak akan meningkat.

Kajian lepas juga mendapati bahawa faktor kewangan menjadi salah satu sebab terpenting yang menyebabkan wujudnya cetak rompak (Moores dan Dhillon, 2000). Walau bagaimanapun, faktor lain juga telah dikenal pasti iaitu faktor demografi, penilaian *benefit-cost*, situasi, mutu produk dan manfaat-manfaat lain terhadap pengguna (Moores dan Dhillon, 2000). Namun demikian, terdapat sebahagian penduduk menyokong gejala cetak rompak yang berkaitan dengan muzik dan mereka beranggapan ia adalah bermanfaat dan juga merupakan satu peluang perniagaan yang baharu (Jung-Ki *et al.* 2006). Di negara yang produk cakera optik adalah relatif tinggi harganya dan faktor harga menjadi penyebab kekangan produk terhadap majoriti pengguna, gejala cetak rompak adalah tinggi berbanding dengan negara lain (Jung Ki *et al.*, 2006).

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang akan timbul ekoran pengamalan cetak rompak oleh pengguna seperti tiadanya jaminan terhadap kualiti dan kepercayaan, tiada sokongan dari segi teknikal, cakera optik yang tidak tulen boleh mengakibatkan kerosakan barangan elektrik, khususnya pemain cakera laser dan CD-ROM komputer. Selain itu, mentaliti para pengguna akan kekal statik dengan anggapan bahawa produk palsu tidak jauh bezanya dari segi imej, kualiti buatan dan juga ketahanan berbanding dengan produk tulen, malahan ia lebih murah, dan akhirnya hak golongan karyawan dan pengguna diketepikan.

Oleh sebab penjualan bahan cetak rompak bersifat pasaran institusi, ia akan memberi kesan yang serius terhadap pengedaran produk yang sah di sisi undang-undang kerana penjualan bahan cetak rompak akan memberi saingan yang hebat dan mampu menyekat pengguna dari menembusi pasaran yang menjual produk tulen.

Objektif kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti sikap pengguna di Bahagian Mukah, Sarawak terhadap cetak rompak. Objektif khusus kajian pula adalah untuk mengenal pasti sikap pengguna di Bahagian Mukah, Sarawak terhadap cakra optik cetak rompak.

Metodologi kajian

Dalam kajian ini, populasi yang dipilih melibatkan pengguna di Bahagian Mukah, Sarawak. Jumlah penduduk di bahagian ini adalah sebanyak 102,924 orang dan majoriti penduduk adalah daripada etnik Melanau. Mukah dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia merupakan bandar baharu yang terletak di Malaysia Timur dan baharu dinaik taraf statusnya dari pekan ke bandar. Ia terletak di kawasan pendalaman yang jauh dari pusat pentadbiran negeri dan tidak mempunyai agensi kerajaan yang bersangkutan dengan hal kepenggunaan. Kaedah persampelan rawak bersistematik digunakan untuk memilih sampel kajian, iaitu sebanyak 380 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Jumlah ini bersesuaian dengan jumlah ideal bagi populasi yang disarankan oleh Krejcie, Robert V., Morgan dan Daryle W. (1970). Responden yang dipilih ialah pengunjung ataupun pelanggan yang mengunjungi kedai ataupun tempat-tempat di mana terdapatnya aktiviti penjualan ataupun pengedaran produk-produk cetak rompak.

Untuk tujuan itu, terlebih dahulu empat buah kedai telah dikenal pasti sebagai tempat yang menjual produk cetak rompak di bandar ini. Rasional pemilihan ialah ia merupakan premis yang statik dan tidak berubah-ubah kedudukannya berbanding dengan premis lain, contohnya premis di pasar malam. Responden dipilih berdasarkan selang dua pengunjung yang memasuki kedai terlibat.

Maklumat kajian dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk berdasarkan objektif kajian. Terdapat 18 soalan dikemukakan untuk mengukur sikap pengguna, dengan empat komponen utama dilihat, iaitu merangkumi penilaian moral, tahap kesedaran, nilai peribadi dan juga persekitaran sosial. Sikap responden terhadap cetak rompak diukur dengan menggunakan skala Likert. Skor yang digunakan merangkumi skala "1 =

sangat setuju”, “2 = setuju”, “3 = tidak pasti”, “4 = tidak setuju”, “5 = sangat tidak setuju”. Item-item yang disediakan dalam borang soal selidik menjurus ke arah mengukur sejauh mana responden bersetuju dengan pernyataan yang disediakan.

Bagi tujuan memudahkan dan menjelaskan hasil kajian dengan lebih tepat, jawapan responden telah “dikod semula” iaitu dikategorikan sebagai “bersetuju” untuk responden yang menjawab pada borang soal selidik pilihan “setuju dan sangat setuju” manakala responden yang menjawab “tidak setuju dan sangat tidak setuju” dikategorikan sebagai “tidak bersetuju”. Bagi responden yang menjawab “tidak pasti pula”, mereka dianggap sebagai “neutral” dan tidak dikira sebagai “bersetuju” ataupun “tidak bersetuju”. Selain itu, terdapat juga bahagian latar belakang responden dalam borang soal selidik. Dalam bahagian ini, soalan yang dikemukakan adalah seperti umur, jantina, agama, bangsa, taraf pendidikan dan pekerjaan.

Data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 16. Ujian kebolehpercayaan “Cronbach’s Alpha” telah dijalankan terhadap data-data yang diperoleh. Hasil ujian kebolehpercayaan yang diperoleh bagi data sikap ialah 0.822. Hal ini menunjukkan bahawa data tersebut mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis diskriptif juga dilakukan untuk mendapatkan frekuensi dan peratus hasil kajian.

Hasil kajian

Jadual 2 menunjukkan maklumat berkaitan dengan latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada keseluruhan responden yang terlibat, 58.4% adalah lelaki dan 41.6% adalah perempuan. Dari segi pecahan kaum dan bangsa, kaum Melanau adalah yang terbanyak, iaitu 58.4 % daripada keseluruhan responden. Hal ini kerana kaum ini merupakan penduduk majoriti di Bahagian Mukah. Seterusnya, diikuti oleh kaum Melayu (34.7%) yang merupakan kaum kedua terbesar, manakala kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu (kaum Dayak) mewakili sebanyak 12.9% daripada jumlah responden. Seterusnya, sebanyak 7.9% kaum Cina dan 1.8% kaum India juga terlibat sebagai responden kajian ini. Kaum India merupakan kaum minoriti di Bahagian Mukah. Dari segi agama pula, responden yang beragama Islam adalah yang paling ramai (73.7%), diikuti oleh responden beragama Kristian (20.0%) dan Buddha (3.7%).

Jika dilihat daripada aspek bidang pekerjaan, peratus tertinggi ialah responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan (30.3%), mengatasi golongan pelajar (termasuk pelajar sekolah dan IPT) yang berjumlah 30.0% dan kakitangan swasta (15.0%). Dari segi latar belakang pendidikan didapati

sebanyak 41.3% berpendidikan sekolah menengah dan hanya 0.3% sahaja yang memiliki pendidikan sehingga Master/Ph.D.

Jadual 2: Latar Belakang Responden (n= 380 orang)

Angkubah	n	%
Jantina		
Lelaki	222	58.4
Perempuan	158	41.6
Bangsa		
Melayu	132	34.7
Melanau	162	42.6
Iban/Bidayuh/ Orang Ulu	49	12.9
Cina	30	7.9
India	7	1.8
Agama		
Islam	280	73.7
Kristian	76	20.0
Hindu	6	1.6
Liko/Pagan	4	1.1
Buddha	14	3.7
Lain-lain	0	0
Taraf Pendidikan		
Sekolah rendah	37	9.7
Sekolah menengah	157	41.3
Sijil	49	12.9
Diploma	65	17.1
Ijazah	71	18.7
Master/PhD	1	0.3
Pekerjaan		
Pelajar	114	30.0
Kerajaan	115	30.3
Swasta	57	15.0
Nelayan/Petani/Penternak	23	6.1
Bekerja Sendiri	51	13.4
Lain-lain	1	0.3

Sikap responden terhadap cetak rompak

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian tentang sikap responden terhadap cetak rompak. Kajian mendapati bahawa sebanyak 46.1% responden memberi respon bahawa menggunakan produk cetak rompak adalah tidak baik dan tidak bermoral, manakala hanya 29.2% responden beranggapan sebaliknya. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dalam kalangan responden bahawa penggunaan produk cetak rompak adalah tidak bermoral dan tidak sepatutnya dilakukan. Kesedaran sebegini penting kerana ia berpotensi untuk mengubah sikap seseorang. Walau bagaimanapun, peratusan tersebut belum boleh dikatakan memuaskan. Ia seharusnya boleh diterjemahkan dengan amalan yang menjurus ke arah untuk tidak menggunakan produk cetak rompak.

Selain itu, kajian ini menemukan hasil yang agak menarik, iaitu hampir separuh daripada responden (42.6%) menyatakan bahawa mereka terpaksa membeli barang cetak rompak kerana tiada pilihan lain walaupun sebenarnya mereka ingin membeli produk yang tulen. Jadi, faktor penawaran pasaran juga terlibat di sini, iaitu terdapat kemungkinan bahawa penawaran cetak rompak melebihi produk tulen. Pasar malam merupakan pusat utama penjualan dan pengedaran produk cetak rompak. Hal ini kerana peniaga di pasar malam tidak diberikan lesen dan kebenaran oleh FINAS untuk mengedarkan VCD/DVD tulen. Oleh itu, peniaga pasar malam di Bahagian Mukah ini cenderung menjual produk cetak rompak kepada orang ramai.

Seterusnya, kajian ini juga melihat penilaian responden terhadap kualiti produk cetak rompak, iaitu sama ada kualitinya setanding dengan yang asli. Sebanyak 51.3% responden menolak anggapan bahawa kualiti produk cetak rompak adalah setanding dengan yang asli. Namun begitu, masih terdapat 29.2% responden yang beranggapan kualiti kedua-dua produk adalah sama. Antara kecacatan yang biasa ditemui pada VCD/DVD cetak rompak ialah gambar dan audio yang kurang jelas serta terganggu dan bagi CD muzik pula ialah ia tidak disertakan dengan lirik lagu.

Daripada kajian ini juga, didapati bahawa sebanyak 45.8% responden mengatakan bahawa keluarga bukanlah faktor penentu bagi keputusan mereka untuk menggunakan produk cetak rompak, namun terdapat juga sebilangan kecil responden (18.7%) yang mengakui bahawa keluarga turut mendorong mereka untuk membeli yang cetak rompak. Hal ini mungkin disebabkan kegemaran dan pilihan masing-masing. Dipercayai bahawa kebanyakan keluarga di Bahagian Mukah ini tidak kisah tentang pilihan responden kerana faktor seperti perbezaan usia dan minat, pengetahuan yang kurang terhadap produk cetak rompak serta tidak berminat untuk menjadikan DVD filem dan CD muzik sebagai medium hiburan.

Jadual 3: Sikap Pengguna terhadap Cetak Rompak

Pernyataan	Tidak bersetujuan (%)	Setujuan (%)
1. Menggunakan produk cetak rompak ataupun produk tulen adalah pilihan saya sendiri.	128 (33.7)	185 (48.7)
2. Menggunakan produk cetak rompak adalah sesuatu yang tidak bermoral.	111 (29.2)	175 (46.1)
3. Saya sememangnya mempunyai niat untuk menggunakan produk cetak rompak.	176 (46.3)	109 (28.7)
4. Membeli barangan cetak rompak adalah sama dengan membeli barangan curi.	136 (35.8)	149 (38.9)
5. Masyarakat tidak perlu berasa bersalah sekiranya membeli produk cetak rompak.	153 (40.3)	120 (31.6)
6. Kerana tiada pilihan lain di pasaran, saya terpaksa membeli produk cetak rompak walaupun niat saya ingin membeli produk tulen.	100 (26.3)	162 (42.6)
7. Bagi saya, produk cetak rompak adalah hampir sama dengan produk yang asli.	164 (43.2)	155 (40.8)
8. Saya percaya bahawa kualiti produk cetak rompak adalah lebih kurang sama dengan yang asli.	195 (51.3)	111 (29.2)
9. Dari segi ketahanan, saya merasakan bahawa produk cetak rompak adalah lebih cepat rosak.	59 (15.5)	258 (67.9)
10. Saya sebenarnya tidak kisah sama ada sesuatu produk itu tulen ataupun sebaliknya.	112 (29.5)	142 (37.3)
11. Saya langsung tidak berasa bersalah jika membeli barangan cetak rompak.	173 (45.5)	120 (31.6)
12. Saya percaya bahawa membeli produk cetak rompak itu merupakan sesuatu yang salah dan tidak elok.	85 (22.4)	182 (47.9)
13. Saya tidak akan memberitahu rakan-rakan bahawa saya membeli produk cetak rompak.	131 (34.4)	87 (22.9)
14. Keluarga selalu mencadangkan pada saya untuk menggunakan produk cetak rompak.	174 (45.8)	71 (18.7)
15. Saya akan diketawakan atau dipersendakan oleh keluarga jika menggunakan produk tulen.	188 (49.5)	46 (10.1)
16. Orang di persekitaran saya suka menggunakan produk cetak rompak.	63 (16.6)	161 (47.4)
17. Rakan-rakan saya sering mengajak saya mengunjungi premis (kedai/gerai) yang menjual produk cetak rompak.	122 (32.1)	161 (42.3)
18. Tiada sesiapa pun yang akan ambil kisah sama ada saya menggunakan produk cetak rompak ataupun yang asli.	58 (15.2)	236 (62.1)

Seterusnya, penglibatan individu dan masyarakat di persekitaran responden juga turut dinilai. Kajian mendapati 47.4% responden menyatakan bahawa individu di persekitaran suka menggunakan produk cetak rompak. Hal ini secara langsung mempengaruhi pengguna lain untuk melakukan pembelian produk tersebut manakala 16.6% responden pula menyatakan sebaliknya. Keputusan ini menunjukkan bahawa melalui pergaulan sosial antara responden dan individu di sekeliling, terutamanya dengan kawan-kawan, rakan sekerja dan komuniti yang sehaluan minat dengan responden, ia mampu mencorakkan pembelian barang cetak rompak oleh responden.

Akhir sekali, hasil kajian ini juga mengenal pasti sikap responden terhadap isu cetak rompak serta peranan dan perlakuan masyarakat di persekitaran responden terhadap masalah ini. Sebanyak 62.1% responden menyatakan bahawa tiada sesiapa akan mengambil kisah sekiranya responden menggunakan cetak rompak manakala hanya 15.2% responden menjawab sebaliknya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa elemen penguatkuasaan oleh pihak yang berwajib adalah kurang di Bahagian Mukah ini, sehinggakan ramai responden yang berasa bahawa mereka tidak perlu berasa takut untuk membeli dan memiliki produk cetak rompak.

Kesimpulan dan cadangan

Daripada hasil kajian yang telah dibuat, bolehlah disimpulkan bahawa sikap pengguna di Bahagian Mukah ini adalah negatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa 61.3% responden menunjukkan sikap negatif atau dengan kata lain, menyokong kegiatan cetak rompak, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya 38.7% sahaja yang menunjukkan sikap yang lebih positif iaitu menolak cetak rompak. Hal ini adalah berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden melalui borang soal selidik. Walau bagaimanapun, sesuatu harus dilakukan bagi mengubah sikap masyarakat daripada memilih produk cetak rompak kepada produk yang asli. Suatu anjakan paradigma perlu dilakukan bagi memotivasikan masyarakat di Bahagian Mukah untuk menolak cetak rompak.

Pihak yang bertanggungjawab seharusnya memainkan peranan yang lebih dalam memberi kesedaran kepada pengguna, khususnya yang tinggal di luar bandar seperti di pekan-pekan dan kampung-kampung berhubung dengan gejala cetak rompak. Akan tetapi, ini bukanlah bermaksud pengguna yang berada di kawasan luar bandar langsung tiada pengetahuan dan kesedaran terhadap cetak rompak.

Selain itu, operasi premis-premis yang menjual produk cakera optik yang tulen haruslah mengembangkan sayap dan operasi di kawasan luar bandar

seperti di pekan-pekan kecil bagi memudahkan pengguna mendapatkan produk yang tulen. Hal ini kerana, operasi premis-premis yang menjual produk yang tulen sekarang ini hanya tertumpu di pusat membeli-belah di bandar-bandar sahaja. Faktor keuntungan bukan menjadi halangan kerana kos sara hidup di kawasan luar bandar adalah lebih rendah dan penduduk di kawasan luar bandar tidak mempunyai masalah untuk membeli produk yang tulen asalkan harga yang ditawarkan adalah munasabah.

Implikasi kajian

Menerusi kajian ini, diharapkan ia mampu memberi sedikit pendedahan kepada para pengguna di Bahagian Mukah ini, terutamanya, berhubung dengan risiko-risiko ekoran menggunakan produk cetak rompak. Pengguna di Bahagian Mukah ini mungkin tidak sedar bahawa sikap negatif ini boleh menjejaskan ekonomi negara, mempengaruhi peluang pekerjaan dan melembabkan pembangunan dan kemajuan industri yang berkaitan dengannya.

Selain itu, diharapkan melalui kajian ini, ia dapat memperbetulkan tanggapan pengguna tentang cetak rompak. Sekiranya pengguna benar-benar faham akan senario sebenar di sebalik cetak rompak, pengguna akan lebih prihatin dan berhati-hati dalam membuat pembelian. Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak penguat kuasa yang berkaitan bahawa kemungkinan terdapatnya kekurangan dari segi penguatkuasaan terhadap cetak rompak. Kebanyakan operasi membenteras cetak rompak hanya dilakukan di Kuala Lumpur dan kawasan sekitar bandar besar sahaja. Akan tetapi, masih kurang usaha untuk meluaskan operasi membenteras cetak rompak ke kawasan-kawasan yang lebih jauh dari ibu kota, terutamanya di kawasan Malaysia Timur.

Cadangan kajian

Kajian ini hanya melibatkan saiz sampel yang kecil, iaitu hanya sebanyak 380 orang responden sahaja. Jumlah ini sememangnya ideal bagi populasi di tempat ini. Namun begitu, sekiranya saiz sampel yang besar digunakan, maka ia akan lebih mirip dengan populasi sebenar. Sampel kajian hanyalah pengguna yang tinggal di Bahagian Mukah dan majoriti penduduknya berbangsa Melanau dan Melayu, sedangkan di negeri ini penduduknya terdiri lebih daripada 30 etnik. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian yang akan datang dilakukan dengan lebih menyeluruh dan turut melibatkan jumlah sampel bangsa lain yang lebih seimbang.

Selain itu, pendedahan secara meluas melalui kempen di luar bandar dapat mendedahkan pengguna dengan implikasi dan kesan produk cetak rompak yang ada di pasaran. Bukan itu sahaja, pengguna luar bandar juga boleh didedahkan dengan pemahaman tentang teknik-teknik pembuatan keputusan pembelian yang bijak dan mampu membezakan produk tulen dengan produk cetak rompak.

Seterusnya, dicadangkan agar pihak KPDNKK mengkaji semula harga produk tulen, terutamanya bagi produk yang sering dibeli oleh masyarakat luar bandar, contohnya CD/DVD dan lain-lain produk agar harganya tidak terlalu mahal. Bagi tujuan kebajikan masyarakat luar bandar, pihak tersebut juga perlu berbincang dengan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) agar peniaga kecil dan peniaga di pasar malam diberikan kebenaran untuk menjual produk cakera optik yang tulen.

Dicadangkan juga supaya kajian yang akan datang turut melihat aspek sejauh mana keupayaan kewangan, kategori isi rumah dan jantina dalam menentukan perkaitannya dengan sikap masyarakat luar bandar terhadap cetak rompak.

Rujukan

Akta Hakcipta (1987). Akta Hakcipta dan Peraturan. Kuala Lumpur: Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Dimuat turun pada Disember, 2009 dari <http://www.myipo.gov.my/akta/akta-hakcipta-332.pdf>

Business Software Alliance (2008). Global PC software study, 5th Annual BSA and IDC Global Software Piracy study. Dimuat turun pada April 2011 dari <http://www.bsa.org/country/Research and Statistic/-/media/asht>.

Business Software Alliance (2002). *Seventh Annual BSA Global Software Piracy Study*. Washington DC.

Eric .L (2007). Interaction effects in software piracy. Business ethics: A European review. *The Manhattan*. 16 (1), 34-47.

Harian Metro Online (2008). *Cetak rompak: Bagai cendawan tumbuh selepas hujan*. Dimuat turun pada Februari 2008 dari <http://www.harianmetroonline.com>.

Im, J.H. & Van Epps, P.D. (1992). Software piracy and software security measures in bussiness school. *Information and Management*. 9, (8), 655-664.

Jung Ki E, B.-H. Chang, Khang., (2006). Exploring influential factors on music piracy across countries. *Journal of Communications*. 56, 406-426.

Husin A. & Lim H.E. (2004). Gelagat pembelian barang cetak rompak: kesan faktor harga dan pendidikan. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 38, 81-98.

Kay, H. (1990). Fake's progress. *Management Today*. 3, 54-58.

Krejcie, R.V.M. & Daryle W. (1970). "Determining sample size for research activities", *Educational and Psychological Measurement*.

MASSA (2003). *Cetak rompak : Isu tak berpenghujung*. Isu April. Utusan Karya Sdn Bhd.

Mingguan Malaysia. (2001). Cetak rompak kini dipercayai sindiket jenayah terancang. Dimuat turun pada 8 Oktober 2009 dari <http://www.utusan.com.my/.htm>.

Mooress, T. & Dhillon, J. (2000). Software piracy: A view from Hong Kong. Communication of the ACM. *Journal of Business Ethics*. 21(4), 201-225.

MStar Online, 2010. *Penapisan ketat punca penonton pilih cetak rompak*. Dimuat turun pada 7 Jun 2010 dari <http://www.mStar Online.htm>

Taylor, G.S. & Shim, J.P., (1993). A comparative examination of attitudes towards software piracy among business professors and executives. *The Journal of Communications and Human Relations*. 46 (4), 413-433.

Utusan Malaysia Online (2008). *Lanun cetak rompak tunjuk belang, halang penguatkuasa KPDNHEP*. Dimuat turun pada 7 Februari 2008 dari <http://www.utusan.com.my>

McDonalds, G. & Roberts, C. (1994). Product piracy: The problems that will not go away. *The Journal of Products and Brand Management*. 3 (4), 55-65.

Oz, E. (1998). Acceptable protection of software intellectual property: A survey of software developers and lawyers. *Information and Management*. 34, 161-173.

Rahim, M.M., Abdullah, S.C., Seyal, A.H., & Rahman M.N. (1996). Students attitudes towards software piracy: A preliminary study. *The Journal of Information Technologies*. 8(1), 22-36.

SabahKini.net. (2010). *KPDNKK makan gaji buta?*. Dimuat turun pada 9 Ogos 2010 dari [http //www.sabahkini.net.htm](http://www.sabahkini.net.htm)

Sims, R.R., Cheng, H.K., & Teegen, H. (1996). Towards a profile of students software piracy. *Journal of Business Ethics*. 15, 839-849.

Vany A.S & Walls W.D. (2007). Estimating the effects of movie piracy on box-office revenue, *Springer Science and Business Media*. 30, 291-301.

Wong, G., Kong, A., & Ngai, S. (1990). A Study of unauthorized software copying among post-secondary students in Hong Kong. *The Australian Computer Journal*. 22 (4), 114-122.

Zeti, A.D. (1998). *Cetak rompak perisian: Pandangan pelajar*. Universiti Putra Malaysia.